



2 Oktober 2024  
2 October 2024  
P.U. (A) 274

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA)  
(PINDAAN) 2024

*UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES  
(CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA)  
(AMENDMENT) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Perlembagaan Universiti Sains Malaysia) (Pindaan) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Oktober 2024.

**Pindaan seksyen 63**

2. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U. (A) 220/2011*], yang disebut “Perlembagaan” dalam Perintah ini, dipinda dalam seksyen 63—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor yang” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Jawatankuasa Tatatertib Pelajar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor sebagai pengerusi dan pekerja Universiti yang dilantik oleh Lembaga.”;

(d) dengan memotong subseksyen (3);

- (e) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakili dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (3),” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib Pelajar”;
- (f) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib Pelajar”;
- (g) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib Pelajar”; dan
- (h) dengan menggantikan subseksyen (12) dengan subseksyen yang berikut:

“(12) Tiada seorang pun ahli Jawatankuasa Tatatertib Pelajar boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.”

3. Seksyen 70 Perlembagaan dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “satu tahun akademik”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), Lembaga boleh mengurangkan atau melanjutkan tempoh keahlian MPP dan pemegang jawatannya.”;

- (c) dengan memotong subseksyen (12);

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (12) sebagaimana yang dipotong subseksyen yang berikut:

“(12A) Universiti boleh menubuhkan apa-apa kumpulan wang atau memiliki apa-apa harta untuk diuruskan atau disenggara oleh MPP mengikut tatacara kewangan Universiti.

(12B) Walau apa pun subseksyen (12A), MPP boleh, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, menubuhkan, menguruskan atau menyenggara apa-apa kumpulan wang mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga.”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (13) subseksyen yang berikut:

“(13A) Bagi maksud seksyen 15A Akta, Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan cara bagi pembuatan atau penganjuran atau pengambilan bahagian dalam pungutan wang atau penerimaan wang atau sumbangan lain oleh MPP.”.

Dibuat 1 Oktober 2024  
[KPT.PUU(S).100-1/21/1(11); PN(PU2)75B/IV]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
*Menteri Pendidikan Tinggi*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (CONSTITUTION OF  
THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (AMENDMENT) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(3) of the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Universities and University Colleges (Constitution of the Universiti Sains Malaysia) (Amendment) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 2 October 2024.

**Amendment of section 63**

2. The Constitution of the Universiti Sains Malaysia [*P.U. (A) 220/2011*], which is referred to as “the Constitution” in this Order, is amended in section 63—

(a) in subsection (1), by substituting for the words “Vice-Chancellor” the words “Student Disciplinary Committee established by the Board”;

(b) in subsection (2), by substituting for the words “The Vice-Chancellor who” the words “The Student Disciplinary Committee which”;

(c) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(2A) The Student Disciplinary Committee shall comprise at least three members consisting of the Deputy Vice-Chancellor as the chairman and the employees of the University appointed by the Board.”;

(d) by deleting subsection (3);

- (e)* in subsection (4), by substituting for the words “The Vice-Chancellor, or Deputy Vice-Chancellor, employee or committee of employees delegated with the functions, powers or duties under subsection (3),” the words “The Student Disciplinary Committee”;
- (f)* in subsection (5), by substituting for the words “the Vice-Chancellor, Deputy Vice-Chancellor, employee or committee of employee, as the case may be,” the words “the Student Disciplinary Committee”;
- (g)* in subsection (8), by substituting for the words “the Vice-Chancellor, Deputy Vice-Chancellor, employee or committee of employees, as the case may be,” the words “the Student Disciplinary Committee”; and
- (h)* by substituting for subsection (12) the following subsection:

“(12) No member of the Student Disciplinary Committee shall be a member of the Student Disciplinary Appeal Committee.”.

3. Section 70 of the Constitution is amended—

- (a)* in subsection (4), by substituting for the words “one year” the words “one academic year”;
- (b)* by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(4A) Notwithstanding subsection (4), the Board may reduce or extend the period of membership of the SRC and its office-bearers.”;
- (c)* by deleting subsection (12);
- (d)* by inserting after subsection (12) as deleted the following subsections:

“(12A) The University may establish any fund or own any property to be managed or maintained by the SRC in accordance with the financial procedure of the University.

(12B) Notwithstanding subsection (12A), the SRC may, subject to any written law, establish, manage or maintain any fund in the manner as may be prescribed in the regulations made by the Board.”; and

(e) by inserting after subsection (13) the following subsection:

“(13A) For the purposes of section 15A of the Act, the Board may make regulations to prescribe the manner for the making or organizing of or the taking part in the collection of money or the receiving of money or other contributions by the SRC.”.

Made 1 October 2024  
[KPT.PUU(S).100-1/21/1(11); PN(PU2)75B/IV]

By Command

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
*Minister of Higher Education*